

## **PROMOSI RAYA 2022 DEPOSIT TETAP DALAM TALIAN/DEPOSIT TETAP-i DALAM TALIAN**

*Dikemas kini pada 11 April 2022*

### **TEMPOH PROMOSI**

“Promosi RAYA 2022 Deposit Tetap Dalam Talian/Deposit Tetap-i Dalam Talian” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 18 April 2022 pada 06:00 pagi dan berakhir pada 31 May 2022 pada 11.59 malam, atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam Klausa 14 di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (“T&S”):

### **KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun sedia ada dan baharu untuk Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) (“Pelanggan”) yang belum membuka Akaun Deposit Tetap Dalam Talian / Akaun Deposit Tetap-i Dalam Talian (“eFD/eFD-i”) (“Akaun eFD/eFD-i”) sebelum Tempoh Promosi.
2. Bagi mengelakkan keraguan, pemegang CASA/CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eFD/eFD-i dan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana terma dan syarat yang terkandung didalam Terma & Syarat Umum Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma & Syarat Hong Leong Connect dan terma dan syarat yang berkenaan dengan Akaun eFD/eFD-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
4. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
5. Promosi ini **TIDAK** disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

### **KAEDAH PROMOSI**

6. Pelanggan hendaklah mendaftar terlebih dahulu untuk Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“Hong Leong Connect”), jika mereka masih belum berbuat demikian, untuk membuka Akaun eFD/eFD-i dan membuat peletakan eFD/eFD-i.
7. Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan diatas dan yang membuat peletakan eFD/eFD-i melalui Hong Leong Connect bagi amaun antara Amaun Peletakan eFD/eFD-i Minimum sehingga Amaun Peletakan eFD/eFD-i Maksimum (“Amaun Peletakan eFD/eFD-i”) untuk ke dalam Akaun eFD/eFD-i bagi Tempoh berkenaan yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah ini semasa Tempoh Promosi adalah berhak menikmati Kadar Promosi eFD/eFD-i sepadan dalam Jadual 1 berikut:

**Jadual 1**

Tempoh	Kadar Promosi eFD/eFD-i <sup>1</sup>	Amaun Peletakan eFD/eFD-i Minimum	Amaun Peletakan eFD/eFD-i Maksimum
3-bulan	2.00% setahun	RM500	RM200,000

<sup>1</sup> Sekiranya ada perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar Promosi eFD/eFD-i akan disemak semula.

8. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klausa 7 di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
9. Dua ribu lima ratus (**2,500**) pelanggan Baharu-kepada-eFD/eFD-i pertama layak mendapat tambahan **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) e-baucar Shopee ("Ganjaran")** atas dasar siapa cepat dia dapat. Pelanggan Layak dikehendaki mengekalkan alamat e-mel yang sah dengan Bank dan berhak mendapat maksimum satu (1) Ganjaran sahaja semasa Tempoh Promosi.
10. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan deposit eFD/eFD-i mestilah daripada bank lain melalui Financial Process Exchanges ("**FPX**"). FPX adalah suatu cara pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. ("**PayNet**"). Butiran lanjut berkaitan dengan FPX boleh disemak di <https://www.paynet.my/business-fpx.html>
11. Kadar eFD/eFD-i Promosi hanya terpakai untuk satu (1) kali sahaja, iaitu, ia hanya terpakai semasa peletakan eFD/eFD-i pertama. Sebarang pembaharuan automatik bagi Amaun Peletakan eFD/eFD-i utama selepas itu selepas tamat Tempoh hendaklah pada kadar semasa eFD/eFD-i.
12. Amaun deposit maksimum setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** atau tertakluk kepada amaun maksimum / had pindahan ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
13. Pemprosesan peletakan eFD/eFD-i mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari berkerja dan dengan itu, tarikh efektif peletakan eFD/eFD-i hendaklah bermula selepas prosesnya berjaya disempurnakan dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan.
14. Kadar Promosi eFD/eFD-i dapat dinikmati Pelanggan Layak bagi peletakan yang dibuat menerusi Hong Leong Connect antara 06:00 pagi dengan 12:00 tengah malam semasa Tempoh Promosi di Hong Leong Connect atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD/eFD-i mesti dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam agar peletakan diterima.
15. Jumlah saiz dana untuk Promosi ini adalah **Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Juta (RM150,000,000) ("Had Saiz Dana")**.
16. Jika Amaun Peletakan eFD/eFD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum eFD/eFD-i yang ditetapkan atau Had Saiz Dana dicapai, Amaun Peletakan eFD/eFD-i yang melebihi Amaun Peletakan eFD/eFD-i Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD/FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.
17. Pada tarikh matang, Amaun Peletakan eFD/eFD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD/eFD-i masing-masing atau pengeluaran auto dan dikreditkan ke CASA/CASA-i Namaan, yang telah dicalonkan oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.
18. Jika Amaun Peletakan eFD/eFD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah / keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eFD/eFD-i, tanpa mengira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebelum tarikh matang.
19. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan faedah / keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi eFD/eFD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok Akaun eFD/eFD-i.
20. Pelanggan dengan product FD-i bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD/FD-i sebelum tarikh matang.

21. Tertakluk kepada Klausula 17 disini, pengeluaran sebahagian eFD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki eFD kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
22. Tertakluk kepada Klausula 17 disini, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan eFD-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam eFD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
23. Amaun Peletakan eFD/eFD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak. Kecuali Amaun Peletakan eFD digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit konvensional (iaitu Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB) dengan Bank. Untuk pengaturan janji tersebut, Pelanggan Layak perlu merujuk kepada halaman produk Kad Kredit dengan Deposit Tetap.

### **PEMENUHAN PROMOSI**

24. Ganjaran akan diberikan kepada dua ribu lima ratus (2,500) Pelanggan Layak pertama dengan peletakan eFD/eFD-i yang berjaya dibuat semasa Tempoh Promosi berdasarkan tarikh dan masa penempatan yang berjaya (Tarikh dan Masa Malaysia) seperti yang direkodkan dalam rekod Bank.
25. Setiap pelanggan Baharu-ke-Bank yang layak hanya layak mendapat maksimum satu (1) Ganjaran tanpa mengira bilangan penempatan eFD/eFD-i yang dibuka sepanjang Tempoh Promosi.
26. Ganjaran akan dihantar ke alamat e-mel sah Pelanggan Layak yang didaftarkan dengan Bank selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2022. Jika alamat e-mel Pelanggan Layak tidak dikemas kini, Ganjaran akan dianggap sebagai tidak dapat dipenuhi dan akan terbatal dan tidak sah mulai 31 Ogos 2022.

### **UMUM**

27. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
  - (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi, Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam, terma dan syarat berkenaan bagi Akaun eFD/eFD-i Sertaan dan Akaun CASA/CASA-i Sertaan dan Terma & Syarat Hong Leong Connect;
  - (ii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
  - (iii) mengakses Laman Sesawang HLB [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)/laman sesawang HLISB [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak T&S dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
  - (iv) faedah/keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
  - (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
28. Bank berhak:
  - (i) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang dianggap wajar oleh Bank daripada menyertai Promosi ini;
  - (ii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
  - (iii) membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di sini, dan/atau Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam, terma dan syarat berkenaan Akaun eFD/eFD-i Sertaan dan Akaun CASA/CASA-i Sertaan dan Terma & Syarat Hong Leong Connect.

- (iv) untuk menggantikan Ganjaran dengan ganjaran lain yang sama nilai yang dianggap wajar dengan cara menyiarkan di Laman Web Bank, atau dalam mana-mana kaedah lain yang dianggap praktikal oleh Bank, untuk memberikan notis awal kepada Pelanggan yang Layak.
29. T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam, terma dan syarat berkenaan Akaun eFD/eFD-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan dan Terma dan Syarat Hong Leong Connect hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
30. Jika terdapat percanggahan antara T&S di dalam ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.
31. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
32. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

**Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq.**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Terma dan Syarat, sila e-mail kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-76268899.